

03 JUL 1998

PELBAGAI PIHAK SUMBANG LEBIH RM1.3 JUTA UNTUK DANA NEGARA

IPOH, 3 Julai (Bernama) -- Kerajaan Negeri Perak menerima lebih RM1.3 juta sumbangan daripada badan-badan kerajaan, swasta, institusi kewangan, politik dan orang ramai untuk membantu kerajaan memulihkan ekonomi negara melalui Dana Negara.

Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib menerima sumbangan itu di sini petang ini yang kesemuanya berjumlah RM1,356,502,57.

Antara penyumbang terbesar iaitu melebihi RM100,000 ialah Badan Amal Isteri Wakil-wakil Rakyat Perak (Baiduri) dan Perbadanan Pembangunan Pertanian Perak.

Ramli, yang ditemui selepas majlis menerima sumbangan orang ramai bagi Dana Negara itu, berkata jumlah besar itu membuktikan rakyat bersama-sama menyokong kerajaan dan ini menguatkan lagi azam kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara.

Kerajaan Negeri akan mengadakan satu lagi majlis seperti itu tidak lama lagi bagi membolehkan mereka yang tidak berkesempatan menyumbang hari ini berbuat demikian, katanya.

Ramli berkata sumbangan itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada satu majlis khas yang dijadualkan bulan depan dengan semua Menteri Besar dan Ketua Menteri akan menyerahkan kutipan sumbangan orang ramai daripada negeri masing-masing.

Kerajaan Negeri Perak yang memulakan dana itu awal tahun ini setakat ini sudah menyerahkan RM60,000 kepada Perbendaharaan, yang merupakan sumbangan kakitangan kerajaan negeri, katanya.

-- BERNAMA

LAT NAK